

Musa tegur sikap acuh tak acuh

SLIM RIVER, Ahad — Datuk Musa Hitam hari ini menegur orang-orang Melayu yang memandang ringan mata pelajaran Bahasa Malaysia hingga

menyebabkan ramai kalangan pelajar Melayu gagal dalam peperiksaan bahasa ibunda sendiri.

Timbalan Perdana Menteri berkata, telah ada tanda-tanda merosotnya pencapaian keputusan pelajaran di kalangan anak-anak Melayu, terutama bagi Bahasa Malaysia.

"Orang-orang Melayu hendaklah sedar bahawa Bahasa Malaysia adalah satu bahasa yang terus hidup berkembang dan berubah setiap hari.

"Jika orang Melayu mengambil sikap acuh tak acuh dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia kerana ia adalah bahasa mereka sendiri, mereka akan ketinggalan dalam mengejar hidup dan mungkin berbalik ke zaman penjajahan dahulu," tegasnya.

Beliau berpendapat, sekiranya sesuatu langkah tegas tidak diambil dari sekarang, anak-anak Melayu akan jauh ketinggalan dalam bahasa ibunda mereka sendiri.

Berucap merasmikan sidang perwakilan Umno Bahagian Tanjung Malim di sini, Datuk Musa menyarankan supaya dikaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, terutama bagi Bahasa Malaysia dengan tujuan meningkatkan mutu pelajaran di negara ini.

Dalam hubungan ini, beliau meminta biro-biro pelajaran Umno di semua peringkat mengambil daya usaha membuat kajian semula itu.

Datuk Musa yang juga Timbalan Presiden Umno menyeru semua anggota

Oleh AHMAD PUAD ONAH

Umno dan orang-orang Melayu bekerjasama membantu pemimpin-pemimpin negara mencari penyelesaian kepada masalah itu.

Mencapai

Dalam mengkaji semula pelaksanaan dasar pelajaran, beliau berharap mereka akan mengambil kira soal penyatuan masyarakat majmuk di negara ini.

Beliau berkata, orang-orang Melayu hendaklah memikirkan perkara ini dengan sungguh-sungguh dan pandangan yang luas bagi menentukan mereka tidak ketinggalan di belakang orang-orang bukan Melayu yang mencapai keja-

yaan cemerlang dalam pelajaran Bahasa Malaysia sekarang.

"Masa sudah berubah. Orang-orang bukan Melayu kini dapat bertutur dan belajar dalam Bahasa Malaysia dengan begitu baik. Inilah yang harus disadari oleh orang-orang Melayu jika mereka tidak mahu ketinggalan jauh," tegasnya lagi.

Datuk Musa menerangkan, dasar pelajaran yang wujud hasil dari kesedaran nasionalisme guru-guru dan para pemimpin di zaman penjajahan yang terlatih di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim di sini telah mencapai tahap yang membanggakan.